

**GAYA PENGAJARAN PAKAR GRASHA DALAM KALANGAN
GURU BAHASA ARAB DI SEKOLAH KAFA INTEGRASI, DAERAH HULU
LANGAT, SELANGOR**

Siti Maria Ibrahim & Zamri Ariffin

jelitaku.jelitaku@yahoo.com

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Gaya pengajaran merupakan elemen yang sangat penting dalam menyokong proses pengajaran guru di dalam bilik darjah dan membantu mencapai objektif yang dirancang. Oleh kerana pencapaian murid dalam bahasa Arab menunjukkan penurunan justeru permasalahan ini berkemungkinan ada kaitan dengan gaya pengajaran guru. Penerapan gaya pengajaran Grasha dikatakan boleh mempengaruhi peningkatan pencapaian murid. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengamalan gaya pengajaran pakar Grasha dalam kalangan guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi dalam daerah Hulu Langat, Selangor. Instrumen yang menggunakan satu set soal selidik berskala Likert digunakan bagi memperoleh data pengajaran Grasha. Kajian ini melibatkan 60 buah sekolah KAFA Integrasi dengan bilangan responden seramai 260 orang yang terdiri daripada sekolah bandar dan luar bandar. Data telah dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu min, frekuensi dan peratus serta statistik inferensi bagi ujian-t. Hasil analisis kajian ini mendapati guru KAFA Integrasi mengamalkan gaya pengajaran pakar Grasha. Implikasi analisis kajian menunjukkan bahawa guru perlu memantapkan dan menguasai gaya pengajaran Grasha yang lain agar dapat meningkatkan pencapaian dan dapat menarik minat murid untuk mempelajari bahasa Arab. Untuk kajian seterusnya adalah perlu satu kajian dilakukan untuk melihat hubungan gaya pengajaran guru bahasa Arab dengan pencapaian pelajar di sekolah KAFA Integrasi.

Kata Kunci: Gaya pengajaran, KAFA, Integrasi, Bahasa Arab, Hulu Langat.

ABSTRACT

Teaching style is a very important element in supporting the process of teaching in the classroom and help achieve the planned objectives. Due to student achievement in Arabic decreased thus this problem is likely related to their teaching. Implementation Grasha teaching style is said to increase student achievement. Thus, this study aims to identify the practice of teaching styles Grasha expert in Arabic language teachers in schools KAFAs Integration in Hulu Langat, Selangor. The instrument uses a Likert scale questionnaire was used for data Grasha teaching. The study involved 60 schools KAFAs Integration with the number of respondents of 260 people consisting of urban and rural schools. Data were analyzed using descriptive statistics, mean, frequency and percentage and statistical inference for the t-test. Results of the study revealed Integration KAFAs teachers practice teaching style Grasha experts. The implications of the analysis showed that teachers need to strengthen and dominate other Grasha teaching style in order to improve performance and attract students to learn Arabic. For further study is necessary to a study conducted to examine the relationship style of teaching Arabic language teacher to student achievement in school KAFAs integration.

Keywords: teaching style, KAFAs, Integration, Arabic, Hulu Langat.

1.0 PENGENALAN

Salah satu elemen yang perlu diberi perhatian dalam keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran adalah gaya pengajaran. Pencapaian dan minat murid untuk mempelajari bahasa Arab berkemungkinan dapat ditingkatkan sekiranya guru mengaplikasikan gaya pengajaran yang selari dengan gaya pembelajaran murid. Gaya pengajaran guru dapat dilihat melalui penyampaian isi kandungan pelajaran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Menurut Gregorc (1989), gaya pengajaran guru adalah tingkah laku peribadi guru dan media yang digunakan bagi memindahkan data dan maklumat kepada murid. Masyarakat sering mengaitkan guru dengan gaya pengajaran dan personaliti serta pendekatan pengajaran yang digunakan (Ornstein & Miller, 1980). Fischer & Fischer (1979), menyatakan gaya pengajaran boleh berbeza mengikut kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Ini bermakna gaya pengajaran yang digunakan adalah merujuk pada mod bilik darjah di samping menyerapkan beberapa kaedah pengajaran kepada pelajar. Menurut Heimlich (1990), menyatakan bahawa gaya pengajaran sebagai kecenderungan tingkah laku semasa mengajar yang dipengaruhi oleh kepercayaan, nilai, sikap, inspirasi dan pengalaman peribadi serta pengalaman sosial seseorang guru tersebut.

Menurut Zahorik (1990), gaya pengajaran guru dipengaruhi oleh ideologi dan kepercayaan terhadap murid dan ilmu pengetahuan. Chapman et. al. (2001), menyatakan faktor jantina, kekananan (*seniority*) dan perubahan masa turut memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya pengajaran guru. Manakala Bennet & Carre (1993), menyatakan gaya pengajaran adalah berkaitan dengan penyampaian, interaksi dan ciri personaliti seperti bagaimana guru menyampaikan pengajarannya kepada murid. Gaya pengajaran sangat penting kerana memberi impak atau kesan ke atas penerimaan isi pengajaran yang disampaikan. Gaya pengajaran boleh diperolehi berdasarkan pengalaman.

Grasha (1994), seorang guru mungkin menggunakan lebih daripada satu gaya pengajaran dan digabungkan dalam empat kategori. Empat kategori yang telah dikenal pasti oleh Grasha yang terdiri daripada:

Kategori 1: iaitu gaya pengajaran pakar dan gaya pengajaran autoriti formal.

Kategori 2: iaitu gaya model peribadi dan gaya pakar serta gaya autoriti formal.

Kategori 3: iaitu gaya fasilitator dan gaya model peribadi serta gaya pakar.

Kategori 4: iaitu gaya delegator dan gaya fasilitator serta gaya pakar.

Menurut Grasha (1994), gaya tersebut perlu digabungkan dengan mempunyai peranan tertentu dalam pengajaran seperti sikap, tingkah laku dan kaedah yang digemari dan cenderung digunakan sebagai pelengkap kepada gaya pembelajaran yang digemari oleh pelajar.

Kenyataan di atas menunjukkan terdapat gaya yang pelbagai semasa sesi pengajaran dijalankan. Oleh yang demikian guru wajar menggunakan pelbagai gaya pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran atau kehendak pelajar agar mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang dirancang.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam sistem Pendidikan di Malaysia boleh diklasifikasikan kepada lima jenis berdasarkan sistem pentadbirannya, iaitu: (a) Sekolah Agama di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia di peringkat Menengah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), (b) Sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri seperti Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT), Sekolah Rendah Agama (SRA), Kelas Fardhu Ain dan al-Quran (KAFA), (c) sekolah agama di bawah kelolaan Majlis-Majlis Agama dan Zakat di peringkat rendah dan menengah, (d) Sekolah Agama Rakyat yang dibangunkan oleh masyarakat setempat, (e) Sekolah Agama yang dikendalikan oleh pihak swasta di peringkat rendah dan menengah.

Justeru, institusi pendidikan di peringkat rendah juga tidak terlepas dari melaksanakan kurikulum pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutama di sekolah KAFA seluruh Malaysia dan di sekolah KAFA Integrasi khususnya di negeri Selangor. Namun di sebalik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tersebut, didapati wujudnya kelemahan berdasarkan pencapaian murid dalam bahasa Arab.

Berdasarkan data yang diperolehi dari Unit Pendidikan Islam Daerah (UPID) Hulu Langat (2014), menunjukkan pencapaian murid dalam bahasa Arab masih di tahap yang sederhana. Ini dilihat dari analisis keputusan Peperiksaan Sekolah Rendah Agama (PSRA) memperlihatkan pencapaian bahasa Arab daerah keseluruhannya bagi tahun 2011 adalah 84%, dan pada tahun 2012, pencapaian daerah keseluruhannya menurun kepada 75.8%. Manakala pencapaian murid dalam bahasa Arab, di sekolah KAFAI Integrasi bagi tahun 2011 adalah 78.62% dan pada tahun 2012 pencapaian murid menurun kepada 69.22%. Lihat Jadual 1. (Data Peperiksaan PSRA Daerah Hulu Langat 2011-2012).

Jadual 1: Nisbah Peratus Pencapaian Bahasa Arab PSRA di KAFAI Integrasi dan Daerah Hulu Langat, Selangor Antara Tahun 2011-2012

Tahun	Daerah Hulu Langat	KAFAI Daerah Hulu Langat
2011	84%	78.62%
2012	75.8%	69.22%

Sumber: Data Unit Pendidikan Islam Daerah Hulu Langat 2013

Isu kemerosotan pencapaian bahasa Arab ini tidak dapat dinafikan. Fenomena ini berlaku mungkin kerana wujudnya kelemahan atau kepingcangan semasa proses pemindahan maklumat kepada murid. Banyak sebab kenapa berlakunya perkara ini namun dalam kajian ini, pengkaji merasakan salah satu faktor berlakunya kemerosotan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab adalah berkemungkinan kerana gaya pengajaran yang tidak sesuai atau serasi dengan gaya pembelajaran pelajar. Menurut Grasha (1994), kepentingan gaya pengajaran dalam proses pembelajaran tidak boleh diabaikan kerana gaya pembelajaran pelajar hanya merupakan sebahagian sahaja daripada proses interaksi guru dengan pelajar manakala sebahagian lagi melalui peranan daripada gaya pengajaran guru.

Dunn (1990), “kegagalan pelajar bukan disebabkan oleh kurikulum. Pelajar boleh menguasai hampir kesemua mata pelajaran yang dipelajari jika mereka diajar dengan cara dan pendekatan yang mengambil kira gaya pengajaran yang disukai oleh pelajar. Sebaliknya pelajar yang sama akan gagal jika diajar dengan cara yang tidak mengambil kira gaya pengajaran yang disukai pelajar”.

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan di atas, satu kajian perlu dilakukan bagi mendapatkan informasi yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di kalangan guru KAFA Integrasi. Kajian lepas mendapati pengamalan gaya pengajaran Grasha khususnya gaya pengajaran pakar Grasha dikatakan dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid. Justeru, kajian ini ingin melihat sama ada gaya pengajaran pakar Grasha yang diamalkan dalam kalangan guru bahasa Arab di daerah Hulu Langat..

2.1 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti gaya pengajaran pakar Grasha yang diamalkan oleh guru KAFA Integrasi dalam daerah Hulu Langat.
- ii. Menganalisis item yang paling dominan dalam gaya pengajaran pakar yang diamalkan oleh guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi dalam daerah Hulu Langat.

2.2 Hipotesis Kajian

- i. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara berkongsi ilmu dan kemahiran berdasarkan lokasi sekolah di kalangan guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi, daerah Hulu Langat, Selangor.
- ii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara mempunyai ilmu pengetahuan tinggi berdasarkan lokasi sekolah di kalangan guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi, daerah Hulu Langat.
- iii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara memberi bimbingan kepada murid berdasarkan lokasi sekolah di kalangan guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi, daerah Hulu Langat, Selangor.
- iv. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara berkongsi ilmu dan kemahiran berdasarkan jantina di kalangan guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi, daerah Hulu Langat.

- v. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara mempunyai ilmu pengetahuan tinggi berdasarkan jantina di kalangan guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi, daerah Hulu Langat, Selangor.
- vi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara memberi bimbingan kepada murid berdasarkan jantina di kalangan guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi, daerah Hulu Langat, Selangor.

3.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian Roslind (2003), tentang “Hubungan gaya pengajaran dengan sikap murid terhadap bahasa Melayu”. Hasil kajian mendapati bahawa guru begitu cenderung mengamalkan gaya pengajaran model personal, gaya fasilitator dan gaya autoriti formal, tetapi kurang menggunakan gaya delegator dan gaya pakar. Manakala kajian Vicky (2005), “Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik Tambahan”, mendapati guru telah mengaplikasikan kelima-lima gaya dalam pengajaran namun gaya yang sering diamalkan adalah gaya model personal, gaya pakar dan gaya autoriti formal. Ini menunjukkan gaya pengajaran yang paling dominan dalam kajian ini adalah gaya model personal.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Abd. Aziz (2010) ke atas 189 orang pelajar tingkatan enam atas di tujuh buah sekolah di daerah Johor Baharu mendapati gaya pengajaran yang sangat digemari adalah gaya pengajaran model personal, diikuti dengan gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran pakar. Manakala gaya pengajaran yang kurang diminati adalah gaya pengajaran delegator dan gaya pengajaran autoriti formal.

4.0 METODOLOGI

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai iaitu ratusan ataupun ribuan responden (Marican, 2006). Reka bentuk ini dipilih bersesuaian dengan tujuan kajian iaitu membuat pencarian maklumat daripada pelbagai

gaya pengajaran guru. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru bahasa Arab di KAFA Integrasi dalam Daerah Hulu Langat, Selangor. Daerah ini mempunyai 60 buah sekolah KAFA Integrasi yang terletak di bandar dan luar bandar. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat, pengkaji menetapkan untuk mendapat balik pulangan soal-selidik antara 80-100%. Krejcie & Morgan (1970) dan Babbie (2005), kajian yang relevan dan tepat seharusnya mempunyai nisbah statistik populasi soal-selidik yang dikaji di antara 80 hingga 100%. Kajian ini berbentuk kajian kes di mana tertumpu pada satu kumpulan populasi tertentu sahaja. Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek (guru bahasa Arab) daripada sesuatu populasi untuk dijadikan bahan responden kajian. Menurut Chua (2011), persampelan merupakan satu aspek penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Menurut Cohen (1977), memilih satu sampel yang mewakili populasi adalah lebih baik daripada memilih satu sampel yang besar tetapi bias dan memperolehi keputusan kajian yang tidak benar. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan persampelan *purposive* di mana sampel-sampel dipilih berdasarkan ciri sampel yang dikehendaki dan mengikut objektif kajian.

Instrumen kajian adalah dengan menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik yang dibina adalah berpandukan soal selidik yang telah diguna pakai sebelumnya dan telah diuji keupayaan dan kesahannya. Walaupun begitu, sebelum soal selidik ini diedarkan ianya telah mengalami beberapa tapisan, ubahan dan pembetulan setelah disemak oleh pensyarah pakar bidang pendidikan iaitu Profesor Madya Dr. Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Profesor Madya Dr. Chua Chan Piaw dari Universiti Malaya.

Pada soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian I berkaitan demografi responden iaitu jantina dan lokasi sekolah. Bahagian II adalah berkaitan dengan gaya pengajaran pakar Grasha. Pemarkahan dalam 8 item pada soal selidik bahagian II ini adalah menggunakan skala Likert Lima Point. Soal selidik telah diedarkan ke empat buah zon dalam daerah Hulu Langat, yang terdiri dari zon Ampang, zon Langat, zon Kajang dan zon Semenyih. Soal selidik yang telah siap, diperolehi semula dengan cara dihantar kepada Penyelia KAFA daerah.

Kajian ini menggunakan program “*Statistical Parkages For Social Sciences (SPSS windows 20.0)*” bagi menganalisis data. Tujuan analisis ini adalah bagi memperoleh maklumat berkaitan frekuensi dan min. Bagi setiap soalan-soalan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini, kaedah statistik yang digunakan adalah seperti berikut:-

- i- Analisis, frekuensi dan peratus untuk menunjukkan lokasi sekolah dan jantina, manakala min adalah untuk melihat item-item gaya pengajaran pakar.
- ii- Analisis ujian t dibuat untuk menguji hipotesis adakah terdapat perbezaan antara gaya pengajaran guru-guru bahasa Arab KAFA Integrasi berdasarkan lokasi sekolah dan jantina.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dibentangkan berdasarkan data yang telah dikumpulkan melalui kaedah tinjauan. Data ini diperolehi daripada analisis soal selidik yang telah dijawab oleh seramai 260 orang responden. Berikut adalah sebahagian data berkaitan demografi yang telah dianalisis.

5.1 Analisis Latar Belakang Responden

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Responden	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	71	27.3 %
Perempuan	189	72.7 %
Jumlah	260	100.0%

Sumber: Kajian Penyelidikan 2014

Jadual 2 menunjukkan bilangan guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi dalam daerah Hulu Langat mengikut jantina. Terdapat seramai 189 orang guru perempuan yang mewakili 72.7%. Manakala jumlah guru lelaki pula adalah seramai 71 orang atau 27.3 %. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bahasa Arab adalah terdiri daripada guru-guru perempuan. Fenomena ini berlaku kerana berkemungkinan kaum wanita lebih meminati bidang pendidikan dan sesuai dengan jiwanya yang penyabar serta lemah lembut.

Jadual 3: Taburan Lokasi Sekolah

Lokasi	Frekuensi	Peratus%
Bandar	41	68.33%
Luar Bandar	19	31.67%
Jumlah	60	100.00

Sumber: Kajian Penyelidikan 2014

Jadual 3 menunjukkan bilangan sekolah KAFA Integrasi kawasan bandar dan luar bandar dalam daerah Hulu Langat, Selangor. Terdapat sejumlah 41 buah sekolah KAFA Integrasi kawasan bandar atau 68.33%. Manakala sekolah KAFA Integrasi yang terletak di luar bandar adalah sebanyak 19 buah atau 31.67%.

Jadual 4 menunjukkan min lapan item dalam aspek gaya pengajaran pakar yang telah dianalisis. Hasil analisis didapati item B1 iaitu saya menekankan perlu menguasai fakta, konsep dan prinsip dalam mata pelajaran bahasa Arab dengan min 4.16 dan peratus bersetuju 89.6%. Bagi item B2 iaitu saya suka berkongsi ilmu dan kemahiran bersama murid menunjukkan min 4.51 dengan 91.2% responden bersetuju mengamalkannya. Item B3 iaitu saya mengajar topik yang penting bagi membolehkan murid menguasai ilmu yang luas dalam pelajaran dengan min 4.14 dan 84.2% bersetuju. Manakala item B4 iaitu saya memberi bimbingan dan persediaan terbaik sebagai panduan murid dengan min 4.22 dan 89.2% responden bersetuju. Item B5 iaitu saya suka mengajar dengan cara memberi syarahan kepada murid-murid dengan min 4.15 dan 82.3% responden bersetuju. Sementara item B6 iaitu menggunakan kebijaksanaan menyelesaikan masalah / percanggahan pendapat semasa pengajaran dengan min 4.15 dan 88.8% responden bersetuju. Item B7 adalah saya bersedia menghadapi beban kerja yang banyak dalam menyiapkan sukatan pelajaran dengan min 3.96 dan 81.5% bersetuju dan item B8 yang berkaitan dengan saya perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam pengajaran dengan min 4.32 dan 86.5% bersetuju.

Jadual 4: Gaya Pengajaran Pakar Grasha yang Diamalkan oleh Guru KAFA Integrasi.

Bil	Item-Item Gaya Pengajaran Pakar	Min	Peratus % Mempraktikan
B1	Saya menekankan perlu menguasai fakta, konsep dan prinsip dalam mata pelajaran bahasa Arab.	4.16	89.6
B2	Saya suka berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan murid.	4.51	91.2
B3	Saya mengajar topik yang penting bagi membolehkan murid menguasai ilmu yang luas dalam pelajaran.	4.14	84.2
B4	Saya memberi bimbingan dan persediaan yang terbaik sebagai panduan murid setelah tamat pengajaran.	4.22	89.2
B5	Saya kerap mengajar dengan cara memberi syarahan kepada murid-murid.	4,15	82.3
B6	Saya menggunakan kebijaksanaan menyelesaikan masalah/percanggahan pendapat semasa pengajaran.	4.15	88.8
B7	Saya sering bersedia menghadapi beban kerja yang banyak dalam menyiapkan sukatan pelajaran.	3.96	81.5
B8	Saya perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam pelajaran.	4.32	86.5

Sumber: Kajian Penyelidikan 2014

Maklumat dalam Jadual 4, memperlihatkan item yang dominan berdasarkan min dan peratus gaya pengajaran pakar Grasha. Melihat item yang paling dominan di kalangan guru KAFA Integrasi menunjukkan bahawa majoriti responden memilih item B2 iaitu guru suka berkongsi ilmu dan kemahiran bersama murid dengan min dan peratus yang paling tinggi iaitu min 4.51 dan peratus 91.2% Item yang kedua dominan ialah guru perlu mempunyai ilmu pengetahuan tinggi dalam pelajaran dengan min 4.32. Manakala item yang paling dominan dengan peratus kedua tertinggi 89.6% ialah item B1 iaitu saya menekankan perlu menguasai fakta, konsep dan prinsip dalam mata pelajaran bahasa Arab. Lihat Jadual 5.

5.2 Dapatan bagi Pengujian Hipotesis 1

Jadual 5: Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Berdasarkan Guru Berkongsi Ilmu Dengan Murid

	Lokasi sekolah	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Guru berkongsi ilmu dengan murid	Bandar	186	4.58	2.970	.582	.446
	Luar Bandar	74	4.34	.763		

*Tahap Signifikan $P < 0.05$

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 5, didapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah bandar dan sekolah luar bandar dari segi guru berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan murid ialah $t = .582$ dan tahap signifikan ialah .446. Tahap signifikan adalah lebih dari 0.05 ($p > 0.05$), Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan gaya pengajaran guru bahasa Arab dari segi berkongsi ilmu dengan murid. Maksudnya guru berkongsi ilmu dengan murid tidak bersandar kepada lokasi sekolah. Walaubagaimana pun min antara lokasi sekolah bandar dan luar bandar memperlihatkan perbezaan yang sangat besar antara lokasi sekolah. Sekolah KAFA Integrasi di kawasan bandar mempunyai min 4.58 manakala min sekolah KAFA luar bandar memperolehi skor min 4.34. Ini menunjukkan guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi di kawasan bandar lebih gemar berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada murid.

5.3 Dapatan bagi Pengujian Hipotesis 2

Jadual 6 : Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Berdasarkan Guru Perlu Ilmu Pengetahuan Tinggi

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi	Lelaki	186	4.35	.972	1.115	.292
	Perempuan	74	4.24	.934		

*Tahap Signifikan $P < 0.05$

Melihat kepada hasil analisis ujian-t seperti dalam Jadual 6, di dapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi $t = 1.115$ dan tahap signifikan ialah $.292$. Ini menunjukkan tahap signifikan adalah lebih dari 0.05 ($p > 0.05$), yakni tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi. Maksudnya guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi tidak bersandar kepada lokasi sekolah. Min perlu ilmu pengetahuan yang tinggi memperlihatkan terdapat perbezaan yang besar antara lokasi sekolah iaitu min sekolah bandar 4.35 berbanding dengan min sekolah luar bandar hanya 4.24 .

5.4 Dapatan bagi Pengujian Hipotesis 3

Jadual 7: Keputusan Ujian-t Lokasi Sekolah Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Dari Segi Memberi Bimbingan Kepada Murid.

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Memberi bimbingan kepada murid	Lelaki	186	4.22	.834	5.722	.017
	Perempuan	74	4.22	.603		

*Tahap Signifikan $P < 0.05$

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 7, di dapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi guru memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran, nilai $t = 5.722$ dan tahap signifikan ialah $.017$. Ini menunjukkan tahap signifikan adalah kurang dari 0.05 ($p < 0.05$), yakni terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan guru memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran. Maksudnya item B4 gaya pakar ini bersandarkan kepada lokasi sekolah. Min memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara lokasi sekolah. Sekolah bandar dan sekolah luar bandar mempunyai nilai min sama iaitu 4.22 . Ini memperlihatkan guru lelaki dan perempuan sentiasa memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada murid sebagai panduan kepada mereka setelah tamat persekolahan nanti.

5.5 Dapatan bagi Pengujian Hipotesis 4

Jadual 8: Keputusan Ujian-t Jantina Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Berdasarkan Berkongsi Ilmu Pengetahuan Dengan Murid.

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Berkongsi ilmu pengetahuan dengan murid	Lelaki	72	4.87	4.663	2.631	.106
	Perempuan	188	4.37	.846		

*Tahap Signifikan $P < 0.05$

Melihat kepada hasil analisis ujian-t seperti dalam Jadual 8, di dapati nilai-t bagi perbezaan skor min berdasarkan jantina dari segi berkongsi ilmu pengetahuan dengan murid, nilai $t = 2.631$ dan tahap signifikan ialah $.106$. Ini menunjukkan tahap signifikan adalah lebih dari 0.05 ($p > 0.05$), yakni tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan murid. Maksudnya berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan murid tidak bersandar kepada jantina. Min memperlihatkan terdapat perbezaan yang besar antara jantina di mana min guru lelaki adalah 4.87 berbanding dengan min guru perempuan adalah 4.37 .

5.6 Dapatan bagi Pengujian Hipotesis 5

Jadual 9: Keputusan Ujian-t Jantina Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Berdasarkan Guru Perlu Ilmu Pengetahuan Tinggi.

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi	Lelaki	72	4.41	1.060	.580	.447
	Perempuan	188	4.28	.925		

*Tahap Signifikan $P < 0.05$

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 9, di dapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi, nilai $t = .580$ dan tahap signifikan ialah $.447$. Ini menunjukkan tahap signifikan adalah lebih dari 0.05 ($p > 0.05$), yakni tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi. Maksudnya B8 ini tidak bersandar

kepada jantina. (Lihat Jadual 5). Min memperlihatkan terdapat perbezaan yang besar antara jantina iaitu min guru lelaki adalah 4.41 berbanding dengan min guru perempuan hanya 4.24.

5.7 Dapatan bagi Pengujian Hipotesis 6

Jadual 10: Keputusan Ujian-t Jantina Dengan Gaya Pengajaran Guru-Guru Bahasa Arab Dari Segi Memberi Bimbingan Kepada Murid.

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Nilai-t	Sig
Memberi bimbingan kepada murid	Lelaki	72	4.30	.468	5.188	.024
	Perempuan	188	4.19	.735		

*Tahap Signifikan $P < 0.05$

Melihat kepada hasil analisis Ujian-t seperti dalam Jadual 10, di dapati nilai ujian-t bagi perbezaan skor min berdasarkan jantina dari segi memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran adalah $t = 5.188$ dan tahap signifikan ialah .024. Ini menunjukkan tahap signifikan adalah kurang dari 0.05 ($p < 0.05$), yakni terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan guru memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran. Maksudnya memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran bersandar kepada jantina. Min memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran memperlihatkan terdapat perbezaan yang besar antara jantina di mana min guru lelaki adalah 4.30 berbanding dengan min guru perempuan iaitu 4.19.

Hasil kajian memperlihatkan bahawa hampir kesemua item gaya pengajaran pakar yang telah dianalisis menunjukkan skor min yang tinggi keseluruhannya 4.23 dan 86.66 responden mengamalkan gaya pengajaran pakar. Skor min bagi setiap item adalah tinggi iaitu antara skor min 3.96 hingga min 4.51 (3.68 – 5.00 adalah skor min pada tahap tinggi). Dapatan kajian daripada skor min dan peratus ini menunjukkan bahawa gaya pengajaran pakar telah dipraktikkan oleh para guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi dalam Daerah Hulu Langat Selangor. Ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa terdapat gaya pengajaran yang sistematik dan berkualiti yang dilaksanakan oleh guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA Integrasi semasa sesi pengajaran mereka.

Hasil daripada pengujian 3 hipotesis menggunakan Ujian-t yang telah dilakukan dari segi lokasi sekolah hanya item guru memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pada aras 0.05 ($p < 0.05$), $t = 5.722$ dan tahap signifikan ialah .017. Manakala daripada pengujian 3 hipotesis dari segi jantina menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan pada aras 0.05 ($p < 0.05$) ialah item B4 iaitu guru memberi bimbingan sebagai panduan murid setelah tamat pelajaran, $t = 5.188$ dan tahap signifikan .024.

Sebaliknya Ujian-t yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras 0.05, ialah bagi lokasi sekolah didapati nilai-t bagi perbezaan skor min pada lokasi sekolah dari segi berkongsi ilmu, pengetahuan dan kemahiran ilmu dengan murid $t = .582$ dan tahap signifikan ialah .446, lokasi sekolah dari segi perlu ilmu pengetahuan yang tinggi $t = 1.115$ dan tahap signifikan ialah .292, jantina dari segi berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan murid $t = 2.631$ dan tahap signifikan ialah .106 dan jantina dari segi guru perlu ilmu pengetahuan yang tinggi $t = .580$ dan tahap signifikan ialah .447.

6.0 CADANGAN KAJIAN

Dalam kajian ini dicadangkan semua guru KAFA Integrasi di Selangor diberi pendedahan tentang gaya pengajaran Grasha sebagai usaha meningkatkan pencapaian murid dan dapat anjakan paradigma dalam pengajaran.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan analisis gaya pengajaran pakar Grasha dalam kalangan guru KAFA Integrasi, Daerah Hulu Langat dalam mata pelajaran bahasa Arab. Skor min bagi setiap item adalah tinggi iaitu antara skor min 3.96 hingga min 4.51. Daripada ujian hipotesis memperlihatkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan dalam gaya pengajaran pakar dalam kalangan guru. Hasil kajian membuktikan bahawa gaya pengajaran Grasha telah pun diamalkan oleh guru bahasa Arab semasa sesi pengajaran mereka.

RUJUKAN

- Abd. Aziz Abd Samad. 2010. Gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pengajian Perniagaan. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bennet, N & Carre, C(Eds.). 1993. *Learning To Teach*. London: Routledge. Bhd.
- Chapman, J.A., Hughes, P. & Williamson, J. 2001. Teachers' perception of classroom competencies over a decade of change. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education* 29 (2): 171-184.
- Chua Yan Piaw, 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 Kaedah Penyelidikan*. Ed.2. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Dunn, R. 1990. Answers Questions on Learning Styles. *Educational Leadership* 48, 2: 15-19.
- Fisher, B.B. & Fisher, L. 1979. Style in teaching and learning. *Educational Leadership*. 36(4) :245-254.
- Gregorc, A.F. 1989. Learning style / teaching styles : should they can they.... be matched? *Educational leadership* 36 : 234-237.
- Grasha, A.F. 1994. *A Matter of Style : The Teacher as a Expert, Formal Authority, Personal Model, Facilitator And Delegator* . *College Teaching* 48 (1) : 2-15 (atas talian) <http://searchglobal.epnet.com> (11 November 2002).
- Heimlich. J.E. 1990. Measuring teaching style: A correlation study between the Van Tilburg / Heimlich Sensitivity Measure and the Myres-Bringgs Personality Indicator on adult educators in Central Ohio. Doctoral Dissertation, The Ohio State University, Columbus, Ohio.

- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size For Research Activities. *Journal of Educationalal and psychological Meansurement*. Vol 30.607-610.
- Ornstein, A.C. & Miller, H.C 1980. *Looking into teaching : An introduction to American Education*. Boston : Houghton.
- Roslind Anak Mawing. 2003. Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vicky Tan Ai lin. 2005. Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik Tambahan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahorik, J.A. 1990. Stability and flexibility in teaching. *Teacher and Teaching Education*, 6(1): 69-80.